

PM timbang jadi orang tengah selesai krisis MCA

UM - 1 FEB 2002
KUALA LUMPUR 31 Jan. — Perdana Menteri sedang menimbang untuk menjadi orang tengah dalam usaha menyelesaikan krisis kepimpinan MCA yang melanda parti itu sejak awal tahun lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, beliau menerima banyak pandangan supaya menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah yang melanda parti komponen BN itu.

"Ada yang berpendapat saya sebagai Pengerusi BN patut mengambil berat perkara ini. Saya sedang menimbang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pasarakyat di Jalan Imbi di sini hari ini.

Beliau mengulas pertentangan di kalangan para pemimpin MCA sehingga membentuk Team A dan Team B dalam parti tersebut.

Krisis yang berlaku sejak awal tahun lalu itu dijangka berlarutan sehingga pemilihan parti tersebut Jun ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir mengesahkan mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin tertinggi MCA yang terlibat dalam krisis tersebut.

Katanya, pertemuan pertama diada-

kan dengan pemimpin dari Team A, Isnin lalu manakala pertemuan kedua diadakan dengan pemimpin dari Team B, kelmarin.

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawabnya untuk mendapatkan penjelasan daripada kedua-dua pihak yang terbabit dalam krisis itu.

"Saya jumpa mereka kerana hendak dengar penjelasan tentang apa masalah daripada sudut masing-masing.

"Saya sebagai Pengerusi BN dan menjadi tanggungjawab saya untuk mengetahui keadaan sebenar," jelasnya.